

02 OCT 1998

LEAD Zahid-Undur

ZAHID LETAK JAWATAN KETUA PEMUDA UMNO

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Datuk Ahmad Zahid Hamidi hari ini meletakkan jawatan sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, empat hari sebelum nasibnya diputuskan pada mesyuarat Majlis Tertinggi parti yang dijadualkan Selasa ini.

Zahid menghadapi tindakan tatatertib oleh badan tertinggi parti itu apabila Exco Pemuda UMNO mengemukakan aduan rasmi kepada MT pada 24 Sept lepas setelah mereka sudah hilang kepercayaan terhadap kepimpinannya.

Exco pergerakan itu meminta MT mengambil tindakan tatatertib terhadap Zahid berikutan dakwaan kegagalan melaksanakan keputusan MT memecat bekas Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim dari parti pada 3 Sept lepas.

Zahid, 45, mengumumkan peletakan jawatan itu pada sidang media khas di Ibu pejabat UMNO hari ini, dua hari selepas dibebaskan tanpa syarat daripada tahanan mengikut Seksyen 73 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama 10 hari untuk siasatan polis berhubung dengan beberapa perhimpunan haram menyokong Anwar.

"Keputusan saya meletakkan jawatan bukan kerana desakan mana-mana pihak, sama ada dari kalangan anggota Exco pergerakan UMNO atau ketua-ketua Pemuda negeri dan bahagian," katanya.

Beliau juga berkata keputusan itu adalah muktamad dan dibuat atas kesedarannya terhadap kepentingan pergerakan itu pada keseluruhannya dan sebagai seorang pemimpin yang bertanggungjawab, beliau harus melakukannya.

"Inilah bentuk pengorbanan terakhir saya sebagai Ketua Pemuda," katanya.

Katanya, beliau menulis dua pucuk surat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden parti mengenai perkara itu.

"Saya telah menghantar surat permohonan perletakan jawatan sebagai ketua pergerakan Pemuda UMNO dan surat itu bertarikh 29 Sept dan saya telah menghantar surat pengesahan perletakan jawatan yang kedua bertarikh 1 Okt semalam," katanya.

Zahid, yang sering tersenyum sepanjang persidangan berita yang agak singkat di tingkat 37 Menara Datuk Onn, berkata dalam surat yang terakhirnya itu beliau memberitahu Dr Mahathir bahawa keputusannya itu adalah muktamad.

Selepas membuat pengumuman itu, beliau terus meninggalkan persidangan berita itu dan enggan menjawab soalan para wartawan media tempatan dan asing.

Zahid memenangi jawatan ketua pada pemilihan 9 Okt 1996 dengan mengalahkan empat calon lain.

Sebelum penahanannya mengikut ISA di Kota Kinabalu pada 21 Sept lepas, Zahid tegas dengan keputusannya untuk tidak meletakkan jawatan sebagai ketua pergerakan itu walaupun menerima desakan oleh majoriti anggota Exco pergerakan itu.

Beliau sebaliknya menyerahkan kepada Majlis Tertinggi (MT) UMNO untuk menentukan kedudukannya sebagai ketua pergerakan itu.

Majoriti anggota Exco berkenaan serta beberapa pemimpin pergerakan Pemuda peringkat negeri dan bahagian mendesak beliau berundur secara terhormat kerana pendiriannya yang tidak jelas berhubung isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan kabinet dan daripada UMNO.

Pada 24 Sept, Exco Pemuda Umno menyerahkan memorandum kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno melalui Setiausaha Agungnya Datuk Sabbaruddin Chik menyatakan bahawa mereka sudah hilang kepercayaan terhadap kepimpinan

Zahid.

Memorandum itu sepatutnya dibincangkan pada mesyuarat MT pada 6 Okt ini.

Semalam, Naib Ketua Pemuda Datuk Hishammuddin Hussein berkata pendirian Exco Pemuda itu kekal dan menyerahkan kepada Majlis Tertinggi untuk membuat keputusan mengenai kedudukan Zahid.

Zahid turut menceritakan pengalamannya semasa dalam tahanan ISA dan menganjurkan kepada rakan-rakan yang ingin mengetahui pengalaman dalam tahanan supaya "masuk ke dalam" untuk mendapat "first hand experience".

"Saya telah ditahan ketika mengadakan mesyuarat lembaga pengarah syarikat saya di Kota Kinabalu.

"Sepanjang saya di Kota Kinabalu dan berada di kem tahanan, saya telah mendapat layanan yang cukup-cukup baik dan pertanyaan-pertanyaan oleh pihak polis adalah merupakan pertanyaan yang dibuat secara profesional dan tidak ada sebarang kekerasan yang telah dilakukan sama ada secara lisan ataupun secara fizikal.

"Saya ingin ucapkan terima kasih kepada pihak polis di atas tahap profesionalisme yang telah diperlihatkan kepada saya," katanya.

Zahid berkata beliau telah menyatakan bahawa beliau tidak pernah terlibat dan tidak akan terlibat dalam gerakan reformasi yang digembar-gemburkan itu dan beliau juga tidak pernah melibatkan diri dalam mana-mana "road-show" ataupun mana-mana rusuhan.

"Penahanan saya ialah mengikut perkara 73 (i) ISA, untuk mengetahui sama ada saya menggerakkan pergerakan Pemuda untuk melaksanakan aktiviti yang bertentangan dengan kepentingan awam," katanya.

Zahid, yang juga ketua UMNO bahagian Bagan Datoh, anggota Parlimen kawasan itu dan pengerusi Bank Simpanan Nasional berkata, beliau akan terus bekerja sebagai anggota parti dan akan membantu menjelaskan keadaan yang sebenar perkara yang telah berlaku selama ini.

"Saya akan membantu parti untuk menjelajah ke seluruh negara bagi memperjelaskan duduk sebenar perkara yang selama ini berlaku.

"Komitmen ini akan saya lakukan demi kepentingan parti kita, demi kepentingan orang Melayu dan demi kepentingan rakyat," katanya.

Zahid berharap selepas peletakan jawatannya itu, rakan-rakan Exco, ketua pemuda negeri, bahagian, dan seluruh anggota Pemuda di semua peringkat supaya sudi memaafkannya jika ada perkataan, kenyataan atau sebarang perkara yang beliau lakukan yang tidak menyenangkan hati mereka selama memegang jawatan ketua pergerakan itu.

"Harap sokongan yang telah diberikan kepada saya hendaklah juga diberikan kepada Datuk Hishammuddin apabila beliau memangku jawatan Ketua pergerakan Pemuda UMNO," katanya.

Beliau berkata Hishammuddin akan mengambil tempat beliau pada mesyuarat MT UMNO yang dijadualkan pada 6 Okt ini.

Zahid berharap aktiviti-aktiviti yang telah dirancangkan bersama oleh Exco pergerakan itu akan dilaksanakan sebagai aktiviti Pemuda.

"Jangan anggap apa yang telah kita sama-sama putuskan itu merosakkan atau perlu diubah. Saya harap keputusan yang dibuat selama ini dihormati oleh semua pihak," katanya.

Zahid juga mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan di media massa yang masih sudi bertemu dengan beliau dan "masih rasa terkejut mengapa saya keluar awal. Mungkin ada yang mengharapkan saya kena dua tahun tetapi orang baik macam saya ini, biasanya terlepas awal."

-- BERNAMA

AZZ AFY ZKS NMO